

30/08/1997

MIA sokong langkah sekat dana asing

PERSATUAN Pelabur Malaysia (MIA) menyambut baik langkah kerajaan menguatkuasakan langkah ketat untuk menyekat dana asing daripada menjatuhkan pasaran saham tempatan melalui jualan singkat manipulatif.

Persatuan itu, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam berkata, ia menghargai saranan Perdana Menteri kepada institusi kewangan kerajaan dan pelabur supaya menyokong pasaran saham itu.

"Kami menyambut baik langkah terbaru mengekang arah aliran menurun kerana Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur kini sudah kerugian lebih 499.54 mata atau 39.1 peratus daripada 1,277 mata seperti pada Februari tahun ini kepada 777.46 paras paling rendah harian semalam (kelmarin)," kata Presiden MIA, Dr PHS Lim, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, mengumumkan beberapa langkah, termasuk menyekat aktiviti pemberian pinjaman untuk mengelakkan manipulasi di pasaran saham.

Institusi tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Bhd diminta membeli saham dalam usaha menentang manipulasi yang cuba menggoncang ekonomi.

(END)